



## Analisis Undang-undang Muamalat Islam dalam Hukum Kanun Lingga, Sarawak

### *An Analysis of Islamic Muamalat Law in the Hukum Kanun Lingga, Sarawak*

Noranizah Yusuf<sup>\*1</sup>, Saimi Bujang<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

**ABSTRAK** - Hukum Kanun Lingga merupakan dokumen undang-undang yang pernah digunakan oleh masyarakat Islam di Sarawak dan mempunyai nilai sejarah serta budaya yang signifikan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis undang-undang muamalat Islam yang terkandung dalam Hukum Kanun Lingga. Kaedah kajian analisis kandungan telah digunakan, dengan aplikasi ATLAS.ti untuk mengenal pasti dan mengkategorikan kandungan undang-undang Islam dalam dokumen tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa Hukum Kanun Lingga mengandungi pelbagai peraturan muamalat Islam, termasuk undang-undang berkaitan jual beli, gadaian, perkongsian untung, hutang, *wadiyah* dan sebagainya. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Sarawak pada masa tersebut telah mengintegrasikan prinsip-prinsip syariah dalam kehidupan harian mereka sejajar dengan perkembangan undang-undang Islam di rantau ini. Kesimpulannya, Hukum Kanun Lingga bukan sahaja merupakan dokumen penting dalam sejarah undang-undang Islam di Sarawak tetapi juga bukti jelas pengamalan dan penerimaan undang-undang muamalat Islam oleh masyarakat Melayu Islam di wilayah tersebut. Analisis ini juga menjelaskan bahawa prinsip-prinsip Islam telah diadaptasi dan diamalkan dalam konteks tempatan yang memberikan naratif baru tentang sejarah perundangan Islam di Sarawak. Kajian ini juga relevan untuk pemahaman yang lebih luas dan mendalam tentang sejarah perundangan Islam di Asia Tenggara.

#### ARTICLE HISTORY

Received: 27<sup>th</sup> Jul 2024

Revised: 03<sup>rd</sup> Oct 2024

Accepted: 17<sup>th</sup> Oct 2024

Published: 01<sup>st</sup> Dec 2024

#### KEYWORDS

Analisis undang-undang, muamalat Islam, Hukum Kanun Lingga, Sarawak.

**ABSTRACT** - The Hukum Kanun Lingga is a legal manuscript that was formerly employed by the Muslim community in Sarawak and possesses substantial historical and cultural value. The objective of this study is to examine the Islamic trade regulations outlined in the Hukum Kanun Lingga. The content analysis method was employed, utilising ATLAS.ti to identify and classify the Islamic legal text contained therein. The study's findings demonstrate that the Hukum Kanun Lingga encompasses a range of Islamic commercial norms, such as those pertaining to transactions, collateralised lending, profit-sharing agreements, debt, safekeeping and among others. Additionally, the study reveals throughout the historical period, the Muslim population in Sarawak had incorporated Shariah concepts into their everyday routines, along with the progression of Islamic law in the area. Conclusively, the Hukum Kanun Lingga is a significant historical document in the realm of Islamic law in Sarawak. Furthermore, it serves as an undeniable proof of the implementation and endorsement of Islamic commercial law by the Malay Muslim population in the region. This approach elucidates the adaptation and implementation of Islamic principles within the local context, offering a fresh perspective on the historical development of Islamic law in Sarawak. This

\*CORRESPONDING AUTHOR | Noranizah Yusuf | noranizah977@uitm.edu.my

© The Authors 2024. Published by Penerbit USIM. This is an open access article under the CC BY 4.0 license.

*study is also crucial for gaining a more comprehensive and profound comprehension of the historical development of Islamic law in Southeast Asia.*

**Keywords:** Analysis of Islamic Law, Muamalat, Hukum Kanun Lingga, Sarawak.

## PENDAHULUAN

Analisis sejarah mendapati bahawa pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia mempunyai asas dan latar belakang yang kukuh sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan diperluaskan ke negeri-negeri yang lain (Hassim et al., 2019; Jusoh et al., 2018; Awang, 2015; Nasohah, 2004). Islam diamalkan bukan sahaja dalam aspek kehidupan peribadi bahkan menjadi elemen penting dalam pembangunan masyarakat dan negara (Nasir, 2012). Sebagai bukti, Melaka memiliki Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka; di Pahang dengan Hukum Kanun Pahang; di Perak dengan Undang-Undang 99 Perak; dan Undang-Undang Keturunan daripada Turun Negeri Perak, di Kedah dengan Undang-Undang Kedah; di Johor dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Johor; dan di Terengganu dengan Itqan al-Mulk (Abd Jalil, 2010; Awang, 2015; Abu Bakar, 2018; Jusoh et al., 2018).

Sementara itu, bagi negeri Sarawak pula tidak banyak maklumat yang diperolehi berkaitan dengan pelaksanaan perundangan Islam khususnya sebelum era penjajahan Brooke. Sebagai wilayah yang pernah berada di bawah Kesultanan Brunei, maka kebanyakan sejarawan mengaitkan perkembangan agama Islam di Sarawak dengan perkembangan Islam di Brunei (Abdul Rahman, 2003; Mohd Yusoff, 2016). Kedudukan Islam di Brunei menjadi lebih kukuh apabila Sultan Sharif Ali (1425-1432) iaitu Sultan Brunei yang ketiga mula menerajui pemerintahan. Antara usaha terawal yang dilakukan oleh baginda untuk mengukuhkan Islam ialah mendirikan masjid bagi keperluan mendirikan solat fardhu berjemaah dan solat Jumaat (Abd Rahman, 2001). Menurut laporan sejarah, Sultan Sharif Ali sendiri yang menjadi imam dan membaca khutbah. Beliau bukan sahaja bertindak selaku pemerintah tetapi berusaha untuk menyebarkan dakwah Islam dengan mengajarkan ilmu-ilmu Islam kepada penduduk tempatan (Sweeney, 1968).

Dalam usaha meningkatkan kefahaman dan mengukuhkan kedudukan agama Islam di Brunei, sudah pasti Sultan Sharif Ali memerlukan undang-undang syarak untuk ditulis dan dilaksanakan (Abdul Rahman, 2022; Mail, 2019; Nasution & Suhayib, 2018). Langkah baginda mengukuhkan Islam ini tercatat dalam Silsilah Raja- Raja Brunei yang dipetik daripada Sweeney (1968: 54):

*“Maka Sharif Ali inilah mendirikan ugama Islam dan mengeraskan syariat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam Brunei dan membuat masjid....”*

Perkataan ‘mengeraskan’ dalam petikan di atas bermaksud mengukuhkan. Ini memberi gambaran bahawa pada masa tersebut agama Islam sudah mulai kukuh di Brunei dan kehidupan masyarakat Islam di Brunei dan kawasan takluknya terutamanya di Sarawak juga sudah mengikut syariat Islam (Abd Rahman, 2001; Nasution & Suhayib, 2018; Mail, 2019; Abdul Rahman, 2022). Dengan wujudnya undang-undang ini, maka masyarakat Islam mempunyai landasan yang jelas dalam kehidupan beragama.

Sebelum kedatangan penjajah ke Kepulauan Borneo, boleh dikatakan bahawa undang-undang Islam digunakan dengan meluas dalam urusan kehidupan sehari-hari masyarakat Islam walaupun masih lagi terdapat unsur-unsur pengaruh adat setempat. Sebarang konflik dan masalah yang timbul dihakimi di hadapan sultan dan pemerintah berpandukan kepada undang-undang Islam. Undang-undang Islam telah diamalkan dalam semua aspek kehidupan termasuklah hal ehwal kekeluargaan, jenayah, urus niaga atau muamalat, prosedur dan keterangan (Awang, 2015; Abu Bakar, 2018).

Atas dasar ini, pengkaji beranggapan bahawa sudah pasti terdapat undang-undang khusus

yang digunakan oleh pemerintah Islam di Sarawak untuk mentadbir wilayah-wilayah yang terdapat di negeri Sarawak. Penemuan manuskrip Kanun Lingga menjadi bukti bahawa masyarakat Islam di Sarawak telah mengamalkan undang-undang Islam dalam pemerintahan sebelum kedatangan James Brooke.

## KAJIAN LITERATUR

Tradisi penulisan manuskrip di Nusantara yang berkembang luas antara abad ke-14 hingga ke-19 Masihi memainkan peranan penting dalam memelihara dan mencerminkan warisan budaya dan intelektual masyarakat Melayu pada masa tersebut (Sulaiman et al., 2021; Kamarudin, 2015). Manuskrip-manuskrip seperti Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Tuhfat al-Nafis, Hikayat Raja-Raja Pasai dan sebagainya tidak hanya menyimpan ilmu pengetahuan tetapi juga menunjukkan kekayaan budaya, pemikiran dan peradaban Melayu. Menurut Sulaiman et al. (2021), kewujudan manuskrip dalam pelbagai bidang menunjukkan warisan kearifan intelektual yang tinggi di Alam Melayu. Ngadiran (2012) menambahkan bahawa manuskrip berfungsi sebagai penyimpan informasi, pencatat sejarah dan hukum serta sebagai sumber pendidikan dan hiburan yang tergantung pada jenis sastera dan tujuan penulisannya.

Menurut Wan Yon et al. (2022), terdapat banyak manuskrip dan dokumen bertulis yang berkaitan dengan Sarawak yang tersebar di pelbagai lokasi, baik di dalam maupun di luar negara. Pentingnya usaha sistematik dan konsisten dalam mengumpulkan dan menganalisis manuskrip-manuskrip ini dilakukan bagi memastikan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan dilaksanakan dengan segera. Ini bagi mengelakkan risiko kehilangan dan kerosakan sumber-sumber berharga ini. Manuskrip merupakan salah satu tinggalan sejarah warisan bertulis yang mempunyai nilai estetika yang tinggi dan melaluinya kita dapat mengenali identiti dan jati diri sesuatu bangsa.

Berdasarkan kajian literatur yang ada, belum terdapat kajian yang dilakukan secara khusus berkaitan manuskrip perundangan Islam di Sarawak. Adapun kajian yang dilakukan oleh Jemat (2018) tidak memfokuskan secara khusus terhadap manuskrip perundangan tersebut. Di samping itu, kebanyakan kajian memfokuskan kepada dokumen-dokumen perundangan Islam zaman penguasaan Brooke seperti Mohammedan Law dan 'Perintah' yang digubal pemerintah bagi menyelesaikan masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam. Justeru kajian ini akan menganalisis kandungan Kanun Lingga (sebelum ini dikenali sebagai Hukum Kanun Undang-Undang dan Adat Melayu Banting) bagi menjelaskan pengamalan perundangan Islam di Sarawak sebelum kedatangan penjajah.

Menurut kajian Awang Sebon (1986) pula menyatakan bahawa sebelum kedatangan Brooke, Sarawak tidak mempunyai undang-undang bertulis namun demikian seolah-olah terdapat suatu bentuk undang-undang telah diamalkan dan dilaksanakan oleh masyarakat pada masa tersebut. Berdasarkan pernyataan ini, berkemungkinan pada masa kajian tersebut dilakukan Kanun Lingga belum lagi ditemui dan dikaji kandungannya. Amat mustahil bagi negeri Sarawak yang diperintah oleh Kesultanan Brunei yang amat mengambil berat tentang pelaksanaan syariat Islam tidak menggunakan pakai Hukum Kanun Brunei di wilayah pemerintahannya.

Artikel penulisan Babel (1989) bertajuk Undang-Undang Adat: Melayu Islam Sarawak dalam The Sarawak Museum Journal menyatakan bahawa dokumen bertulis pertama berkaitan adat peraturan masyarakat Melayu di Sarawak adalah Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak (UMMS). Ia mula diperkenalkan pada tahun 1915 mengandungi 67 fasil. Ia merupakan satu usaha untuk menyelaraskan sistem dan peraturan adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Penulisan ini juga mengemukakan beberapa persoalan kajian seperti apakah peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan sebelum wujud dokumen yang bertulis seperti UMMS? Apakah kawalan dan penyeliaan ke atas perlakuan ahli-ahli masyarakat Melayu sebelum ini. Namun persoalan-persoalan ini tidak dibincangkan secara lanjut dalam kajian beliau.

Begitu juga dengan kajian Nasohah (1998) dalam disertasi sarjana beliau bahawa terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa suatu bentuk pentadbiran undang-undang Islam yang

agak teratur dan tersusun telah wujud dilaksanakan sejak zaman berzaman sebelum kedatangan Brooke di Sarawak. Tidak menjadi andaian yang kosong dan tidak berasas dan itulah hakikat yang perlu dibuktikan bahawa suatu ketika dahulu pentadbiran undang-undang Islam yang menepati kehendak syarak telahpun dilaksanakan dengan baik di Sarawak. Berdasarkan inilah pentingnya kajian ke atas Kanun Lingga dilakukan bagi merungkai lagi sejarah dan fakta mengenai perkembangan perundangan Islam di Sarawak.

Dalam konteks peradaban masyarakat Melayu, penggubalan undang-undang seiring dengan pembentukan budaya dan adat yang mempunyai mesej dan pengajaran (Mail, 2002). Pemerintah memerlukan undang-undang bagi mengawal perilaku rakyatnya serta menjaga keharmonian negara. Selain itu, undang-undang juga merupakan alat yang digunakan untuk mengekalkan kekuasaan dan kedudukan pemerintah (Halimi, 2013). Atas dasar ini, pengkaji beranggapan bahawa sudah pasti terdapat undang-undang khusus yang digunakan oleh pemerintah Islam di Sarawak untuk mentadbir wilayah-wilayah yang terdapat di negeri Sarawak. Penemuan manuskrip Kanun Lingga menjadi bukti bahawa masyarakat Islam di Sarawak telah mengamalkan undang-undang Islam dalam pemerintahan sebelum kedatangan James Brooke.


Secara tuntasnya, sintesis kajian-kajian sebelumnya menunjukkan perlunya lebih banyak kajian dan penelitian berkaitan dengan pengamalan perundangan Islam di Sarawak khususnya sebelum kedatangan penjajah. Adalah tidak keterlaluan untuk penulis menyatakan bahawa belum terdapat kajian yang komprehensif berkaitan dengan pengamalan perundangan Islam di Sarawak. Malah kajian ini juga sangat penting dilakukan bagi memartabatkan serta memperkenalkan Kanun Lingga sebagai sebuah khazanah penting dalam aspek undang-undang di Sarawak. Kedua-dua manuskrip ini menyimpan nilai sejarah serta kebudayaan yang tinggi bagi masyarakat Islam di Sarawak serta kepada generasi masa kini. Ia juga merupakan usaha yang murni bagi memelihara khazanah warisan Islam dari hilang ditelan zaman. Di samping itu ia dapat mewujudkan naratif baru berhubung dengan perkembangan perundangan Islam di Sarawak.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan aplikasi Atlas.ti sebagai platform untuk menganalisis data kajian daripada manuskrip Hukum Kanun Lingga. Secara umumnya, Atlas.ti berfungsi untuk mengkategorikan data, membentuk kod atau tema dan membantu menganalisis data secara tersusun dan sistematik (Ronzani et al., 2020). Proses ini melibatkan langkah-langkah seperti pengekodan, di mana teks atau maklumat spesifik diberikan kod berdasarkan tema atau kategori yang relevan. Setiap kod ini mewakili sebahagian dari data yang mempunyai makna atau kepentingan khusus. Selepas itu, kod-kod tersebut dikumpulkan dan dikelompokkan mengikut tema untuk membentuk kategori yang lebih besar, membolehkan pengkaji untuk melihat corak dan hubungan di antara data.

Dengan bantuan fungsi visualisasi dalam Atlas.ti, hubungan antara kod, sub-kod dan tema dapat dilihat dengan jelas bagi memudahkan interpretasi dan pembentukan naratif. Selain itu, proses analisis juga melibatkan penyemakan semula kod dan data secara berkala untuk memastikan ketepatan dan kesahihan analisis. Melalui penggunaan Atlas.ti, kajian ini berjaya mengenal pasti dan menganalisis tema-tema utama yang timbul daripada data, yang seterusnya menjadi asas kepada dapatan dan kesimpulan kajian.

Antara proses yang dilakukan sebelum data daripada manuskrip Hukum Kanun Lingga dianalisis adalah transliterasi kandungan kepada tulisan rumi daripada tulisan Jawi yang digunakan dalam Hukum Kanun Lingga. Proses transliterasi ini melibatkan penukaran aksara Jawi kepada aksara Rumi dengan teliti untuk memastikan ketepatan makna dan maksud asal manuskrip tersebut dapat dipelihara. Setelah transliterasi selesai, data tersebut kemudiannya dianalisis bagi mengkaji kandungan perundangan dan sejarah yang terkandung dalam manuskrip Hukum Kanun Lingga. Analisis tersebut juga melibatkan pemahaman konteks dan aplikasi undang-undang yang diguna pakai pada zaman tersebut. Prosedur pelaksanaan kajian ini adalah seperti dalam Rajah 1 berikut:



**Rajah 1:** Prosedur pelaksanaan kajian

Untuk menganalisis data dari manuskrip Hukum Kanun Lingga menggunakan Atlas.ti, langkah-langkah yang terlibat termasuk kodifikasi dan analisis tema. Setelah data dimuat naik, langkah seterusnya adalah kodifikasi teks. Kodifikasi melibatkan penandaan segmen-segmen teks yang berkaitan dengan tema undang-undang Islam. Dengan kodifikasi yang lengkap, analisis tema dapat dilakukan. Tema-tema utama seperti undang-undang jenayah Islam, undang-undang kekeluargaan Islam, undang-undang muamalah Islam, undang-undang acara dan keterangan, serta undang-undang keagamaan (Fiqh Ibadat) dianalisis secara mendalam. Misalnya, dalam tema undang-undang muamalah Islam, isu pengharaman *riba*, prinsip jual beli termasuk *khijar* dan syarat-syarat sah perniagaan, *wakalah*, amanah, hutang, muflis dan upah dan sewaan dikaji.

Setelah analisis tema dijalankan, dapatan kajian didokumentasikan. Laporan ini merangkumi penemuan mengenai bagaimana undang-undang Islam diterapkan dalam Hukum Kanun Lingga. Setiap tema undang-undang dianalisis dengan memberikan contoh-contoh spesifik dari manuskrip serta membandingkannya dengan undang-undang Islam yang dikenal pasti dalam literatur yang lain.

## HASIL KAJIAN

### **Hukum Kanun Lingga: Manuskrip Agung Undang-Undang Islam Sarawak**

Hukum Kanun Lingga juga dikenali sebagai *Hukum Kanun Undang-Undang dan Adat Melayu Banting* atau *Undang-Undang Banting* (Jemat, 2018), merupakan dokumen bertulis yang disimpan oleh Abg Sakardi bin Abg Nor iaitu waris pemerintahan Kerajaan Banting di Lingga. Menurut Abg Sakardi, manuskrip ini diberikan oleh bapanya dan telah digunakan oleh Datuk Hussin bin Abang Hassan atau turut dikenali sebagai Dato' Lela Pahlawan. Dato' Lela Pahlawan merupakan waris keturunan pemerintah Kerajaan Negeri Banting, Lingga yang diarahkan oleh James Brooke untuk berpindah ke Kampung Lingga dari Bukit Banting iaitu pusat pemerintahan Kerajaan Negeri Banting. Manuskrip ini dianggarkan berusia melebihi 150 tahun kerana tarikh 1279 Hijrah bersamaan 1862 Masihi tercatat pada halaman pertamanya. Said (2023) menyatakan bahawa Hukum Kanun Lingga adalah naskhah kedua di Kepulauan Borneo selepas Hukum Kanun Brunei dan mempunyai persamaan tinggi dengan Hukum Kanun Melaka serta Undang-Undang Laut Melaka.

Manuskrip Hukum Kanun Lingga terdiri daripada 86 halaman bersaiz 16.5 cm panjang dan 11.5 cm lebar. Meskipun dalam keadaan baik, beberapa helaiannya telah rapuh dan terlepas dari jahitan benang yang mengikat setiap halaman yang menggunakan teknik jahitan *long stitch binding*. Setiap halaman Hukum Kanun Lingga mempunyai 15 hingga 16 baris ayat dengan bentuk tulisan yang konsisten, namun tidak mempunyai nombor muka surat dan kulit luar. Penulis Hukum Kanun Lingga tidak diketahui dan dinyatakan dalam manuskrip tersebut tetapi terdapat catatan bahawa manuskrip ini diguna pakai pada tahun 1279 Hijrah (1862 Masihi) semasa pemerintahan Dato Pahlawan Abang Hussein bin Abang Hassan di Banting (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.; Said, 2023 & Jemat, 2018). Mundy (1848: 46) dalam catatannya pada tahun 1845 ada menyebutkan beberapa nama tokoh penting di Lingga seperti Indra Lela, Lela Patawan, dan Lela Wamksa, selari dengan catatan pada manuskrip tersebut sebagaimana berikut:

*Indra Lela, Lela Patawan, and Lela Wamksa arrived again to-day from Linga. Their government is even in a worse state than that of Sadong. With them came a messenger from Santang; he was the bearer of a despatch from Badin Soria and Pangeran Kirning, which contained a request, that I would furnish them with forty pickuls....*

Menurut Jemat (2018) dan Bujang et al. (2022), kandungan Hukum Kanun Lingga adalah gabungan antara undang-undang Islam dan adat. Penemuan manuskrip ini membuktikan masyarakat Melayu Islam di Sarawak telah mempraktikkan undang-undang Islam dalam kehidupan mereka. Hukum Kanun Lingga mengandungi 13 fasal utama dan 25 sub-fasal, meliputi undang-undang pemilikan tanah, undang-undang jenayah Islam seperti Hudud, Qisas, dan Takzir, undang-undang kekeluargaan seperti pernikahan, pertunangan, dan perceraian, undang-undang *muamalah* Islam seperti jual beli, gadaian, perkongsian untung, hutang dan *wadiyah*, serta undang-undang keterangan, acara, laut, dan pelabuhan.

### **Undang-undang muamalah Islam dalam Hukum Kanun Lingga**

Undang-undang muamalah Islam merupakan suatu bentuk perhubungan tata cara atau peraturan manusia sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing dalam bidang ekonomi dan sosial yang berlandaskan syariat Allah (Abdul Ghani & Yaacob, 2021). Menurut Othman et al. (2019), yang membuat analisis takrifan makna *muamalah* dari penulisan-penulisan ulama menyimpulkan bahawa *muamalah* sebagai hukum syarak yang sistematis dalam urusan keduniaan yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia. Ia juga melibatkan harta dan kewangan, hak-hak dan persengketaan sesama manusia.

Dalam konteks penulisan hukum muamalah kontemporari, perbahasan mengenai undang-undang muamalah sering dikaitkan dengan pemilikan harta. Sebagai contoh Syibir (1999) menjelaskan bahawa muamalah ialah hukum-hukum syarak yang disusun untuk memudahkan urusan tentang harta sesama manusia dan ia meliputi pertukaran harta seperti jual beli dan sewaan, wakaf, hibah, wasiat, hutang, perkongsian perniagaan, amanah, gadaian, jaminan dan pemindahan hutang dan sebagainya.

Berdasarkan analisis terhadap Hukum Kanun Lingga, terdapat peruntukan berkaitan pengharaman *riba*, keharusan jual beli dan *aib khiyar*, hukum berhutang dan bergadai, hukum memberi hutang dan pinjaman barang, hukum orang muflis, hukum menaruh amanah dan barang amanah, hukum sewaan dan upah pekerja, hukum terjumpa barang hilang dan hukum denda atau *diyat*. Perniagaan merupakan nadi penting dalam konteks ekonomi masyarakat Islam di Sarawak. Oleh yang demikian, terdapat penekanan yang jelas mengenai aspek-aspek muamalah atau transaksi ekonomi dalam Islam dalam Hukum Kanun Lingga.

### **Hukum mengambil *riba***

Hukum Kanun Lingga menyatakan dengan jelas tentang larangan untuk mengambil *riba* kerana *riba* merupakan dosa besar yang sangat dilarang oleh Allah S.W.T. Larangan mengambil *riba* adalah prinsip fundamental dalam ekonomi Islam. Hukum Kanun Lingga menetapkan sebagaimana berikut:

*Fasal pada menyatakan segala hukum bermiaga itu dan haram bagi sekalian yang mengambil riba. (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 85).*

Asas muamalah Islam adalah untuk mengelakkan kezaliman iaitu memakan harta orang lain dengan cara yang batil (Abdul Ghani & Yaacob, 2022). Ini selaras dengan ajaran Islam yang memandang *riba* sebagai sesuatu yang tidak adil dan merugikan pihak tertentu. Oleh yang demikian,

Allah S.W.T menghalalkan jual beli dan mengharamkan *riba* sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَفْعُلُونَ الَّذِي يَتَحَبَّطُهُ الشَّيْطَنُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَاتُلُوا إِنَّمَا أَلْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ أَلْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةً مِنْ رَبِّهِ فَأَنْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ الْنَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ

Maksudnya:

Orang-orang yang memakan (mengambil) *riba* itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti *riba*." (The Qur'an 2: 275)

Di sini jelas bahawa, masyarakat Islam di Sarawak juga mengambil berat tentang hukum Islam dalam urusan ekonomi. *Riba* merupakan salah satu daripada larangan Allah S.W.T yang perlu dihindari kerana sangat bertentangan dengan asas muamalat Islam khususnya dalam menjamin keadilan sosial dalam masyarakat. Pengharaman *riba* ini diikuti dengan contoh barang yang memiliki elemen *riba* (*ribawi*) seperti pengharaman perniagaan emas dengan emas dan perak dengan perak melainkan dengan jenis yang berbeza, sebagaimana berikut:

*Tiada sah beniaga mas dengan mas dan perak melainkan suatu jenis lain yakni mas snatu jenis lain suatu jenis yakni perak tunai dan beniaga makanan janji tunai maka sah..* (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 3).

### Hukum berkaitan jual beli Islam

Prinsip-prinsip dasar seperti kesepakatan dalam transaksi jual beli, jenis barang yang dibenarkan untuk diniagakan serta pembatalan akad jual beli kerana aib (kecacatan) yang terdapat pada barang yang dibeli juga diterangkan dalam Hukum Kanun Lingga. Secara dasarnya akad jual beli terdiri daripada tiga rukun yang utama iaitu orang yang berakad (penjual dan pembeli), *sighah* (lafaz ijab dan qabul) dan juga apa yang diakadkan (barang dan harga). Dalam Hukum Kanun Lingga, syarat sah rukun jual beli adalah seperti berikut:

*Adapun pada hukum beniaga artinya yang tiada sah beniaga bagi orang gila dan tiada sah beniaga dengan kanak-kanak yang belum baligh dan tiada sah beniaga melainkan dengan orang berjugal juga seperti katanya benda ini maka kata yang membeli itu benda itu dan dahulu benda itu hendak bertemu.* (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 85-86, sambungan halaman 3).

Fasal-fasal ini menjelaskan tentang syarat-syarat sah dalam urusan jual beli dan perniagaan. Berkenaan rukun pertama jual beli, antara syarat utama bagi kedua-dua penjual dan pembeli adalah *al-rusyd* bermaksud mampu mengelola dan mentadbir harta dengan baik (Nurjannah, 2021). Penjual dan pembeli mestilah seorang yang sudah baligh, berakal dan mampu mentadbir hartanya dengan baik. Ini bermaksud urusniaga yang dilakukan oleh orang yang gila dan kanak-kanak yang belum baligh adalah tidak sah. Asas bagi pensabitan kelayakan tersebut adalah adanya akal dan kebolehan berfikir atau kebolehan membuat perbezaan (*tamyiz*) (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2022).

Seterusnya, rukun yang kedua urus niaga yang dilakukan melibatkan proses penawaran dan penerimaan (*ijab* dan *qabul*) yang jelas. Contohnya, frasa '*orang berjugal juga seperti katanya benda ini maka kata yang membeli itu benda itu*' merupakan bentuk persetujuan penjual untuk menjual barang dan pembeli mesti menyatakan persetujuan untuk membeli barang tersebut juga. Manakala rukun yang ketiga, barang yang dijual mestilah jelas dan diketahui oleh kedua-dua pihak bagi memastikan

tidak ada kekeliruan mengenai apa yang dijual dan dibeli.

Selain itu, terdapat juga peruntukan berkaitan urus niaga yang melibatkan najis atau perkara-perkara yang diharamkan oleh syariat Islam. Dalam manuskrip Hukum Kanun Lingga dinyatakan:

*Bermula hendaklah benda seperti tuak dan anjing dan babi dan segala yang haram bermula segala yang ada katanya seperti gajah akan kenderaannya dan barang yang ada seperti itu sah beniaga. (Hukum Kanun Lingga, t.th.: 3).*

Larangan ini selaras dengan hukum Islam yang mengharamkan jual beli dengan sesuatu yang dianggap najis. Dalam Islam, najis tidak boleh dijual beli dan tidak dianggap sebagai sesuatu yang bernilai (Sulong, 2010). Islam mengharamkan aktiviti perniagaan melibatkan arak, binatang-binatang yang diharamkan dalam Islam dan apa sahaja barang atau perkhidmatan yang boleh merosakkan akhlak manusia dan mendorong kepada kemaksiatan (Abdul Ghani & Yaacob, 2022). Berhubung perkara ini, Rasulullah S.A.W bersabda:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حَرَّمَا بَيْعَ الْحُمْرِ وَالْمِيَّةِ وَالْخِنْزِيرِ وَالْأَنْصَامِ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi dan patung berhala. (*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Buyu'*, Bab 112, Hadis No. 2236).

Terdapat juga fasal yang menjelaskan tentang hak *khiyar* dalam urusan jual beli. *Khiyar* bermaksud pilihan untuk meneruskan atau membatalkan akad yang telah dipersetujui oleh mereka yang berakad dalam tiga keadaan iaitu *khiyar majlis*, *khiyar syarat* dan *khiyar aib* (Othman et al., 2019). Hak *khiyar* diberikan bertujuan untuk menjaga kebaikan pihak yang berakad dan mewujudkan keredhaan dan kerelaan hati pihak yang berakad sama ada untuk meneruskan atau membatalkan akad tersebut. Dalam Hukum Kanun Lingga, peruntukan berkaitan perkara ini, adalah seperti berikut:

*Bermula orang beniaga harus ia memilih jika hendak dilakukannya peniagaannya atau dipulangkannya sementara belum cerai daripada tempatnya beniaga itu atau berjanji tiga hari berkenan diambilnya jika tiada berkenan dikembalikan. (Hukum Kanun Lingga, t.th.: 3).*

Fasal-fasal tersebut menjelaskan mengenai pengembalian barang yang dibeli kerana terdapat kecacatan atau aib yang sedia ada pada barang tersebut. Jual beli cacat ialah jual beli yang tidak sempurna akibat berlakunya kekurangan pada barang yang dibeli mengakibatkan akad menjadi ‘tidak lazim’ dan hendaklah dikembalikan. Perkara ini selari dengan firman Allah S.W.T dalam surah an-Nisa:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُؤْكِلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. (The Qur'an 4: 29)

Rasulullah S.A.W juga bersabda tentang perkara ini:

عَنْ حَكِيمِ بْنِ حَزَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْبَيْعَانُ بِالْخَيْارِ مَا لَمْ يَتَمَرَّقَ، فَإِنْ صَدَقَا وَبَيَّنَا بُورَكَهُمَا فِي بَيْعِهِمَا، وَإِنْ كَتَمَا وَكَذَّبَا مُحِقْتُ بَرَكَةٍ بَيْعِهِمَا.

Maksudnya:

"Penjual dan pembeli mempunyai hak *khijar* (memilih untuk meneruskan atau membatalkan jual beli) selama mereka belum berpisah. Jika keduanya jujur dan menjelaskan (keadaan barang), maka jual beli mereka akan diberkati. Namun, jika mereka menyembunyikan dan berbohong, maka keberkatan jual beli mereka akan dihapus." (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Buyu', Bab 19, Hadis No. 2079).

Dalam Islam, menyembunyikan kecacatan barang atau tidak jujur tentang keadaan barang yang dijual adalah dilarang. Penipuan dalam urusan perniagaan akan menghilangkan keberkatan dan merugikan kedua-dua pihak di dunia dan di akhirat.

### Hukum berkaitan muflis dan hutang

Mengenai isu muflis, iaitu seseorang yang hutangnya melebihi harta yang dimiliki, Hukum Kanun Lingga menjelaskan sebagaimana berikut:

*Fasal peri pada menyatakan orang muflis barang siapa banyak piutangnya daripada artanya oleh segala yang ampunyanya arta pada muflis itu daripada melakukan kehendaknya dalam artanya maka ditahan hakim bahawa muflis itu melakukan kehendaknya dalam artanya apabila ada seorang daripada ampunya arta mendapat aib benda dalam artanya muflis itu bagi ia mengambil artanya jika hendak ia diperniagakan diambilnya setengah artanya yakni bendanya itu apabila jika didapatnya setengah artanya yang tinggalnya diambilnya dua rakannya segala yang nyata dengan yang ampunya arta yang kemudian daripada ditahan oleh hakim tiada dalam segala yang fasal kelakuan dalam artanya tiada sah itu memberi dagangan. (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 6-7).*

Fasal-fasal tersebut menjelaskan tentang tindakan yang akan diambil oleh hakim dan pemegang harta (pemegang amanah) apabila seseorang diisyiharkan muflis serta hak-hak pemutang terhadap harta orang yang muflis tersebut. Hakim berperanan penting dalam memastikan keadilan dalam pembahagian harta orang muflis kepada pemutang dan menghalang orang muflis daripada menyalahgunakan hartanya. Prinsip keadilan, amanah dan tanggungjawab adalah asas dalam menangani kes muflis yang mana prinsip-prinsip ini selaras dengan ajaran Islam.

### Hukum hutang dan sandaran (cagaran)

Terdapat juga fasal yang menjelaskan tentang sandaran (cagaran) ke atas sebarang bentuk hutang yang ingin diambil bagi tujuan sekuriti ataupun jaminan kepada pemberi hutang dan tanggungjawab pemegang cagaran sebagai pemegang amanah. Hukum Kanun Lingga memperuntukkan perkara ini sebagaimana berikut:

*Fasal peri pada menyatakan hukum sandar yang harus diperniagakan disandar pada hutang itu apabila dihutang itu sandar harus akan hutang sandar itu. Bermula jika hilang benda itu yang sandarkan itu dengan tiada taksirannya kerana orang yang empunya meriam sandar itu seperti orang amanah jikalau dengan taksirannya memilih membayar setengah hutangnya orang yang menyandarkan itu tiada harus keluar benda yang disandarkan itu daripada tangan yang memegang sandar melainkan membayar hutangnya maka harus kembali sekadar itu apabila tiada mau orang yang menyandar mengambil sekadarnya tatkala sampai janji dijualkan oleh hakim akan pembayar hutangnya. (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 6).*

Dalam Islam, memberikan sandaran (*al-rahn*) sebagai jaminan untuk hutang adalah dibenarkan dan ia adalah amalan yang digalakkan untuk memastikan keadilan dalam transaksi hutang. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَمَمْ بَجِدُوا كَاتِبًا فَرَهِنْ مَقْبُوضَةً

Maksudnya:

Dan jika kamu dalam perjalanan (dan bermuamalah tidak secara tunai) sedang kamu tidak memperoleh seorang penulis, maka hendaklah ada barang jaminan yang dipegang. (The Qur'an 2: 283).

Tuntasnya, fasal ini menggambarkan prinsip-prinsip utama dalam urusan hutang dan cagaran dalam Islam. Ia menekankan prinsip-prinsip keadilan, amanah dan tanggungjawab kedua-dua pihak yang terlibat. Dalam Islam, memberikan cagaran untuk hutang adalah amalan yang amat digalakkan dan pemegang sandaran mempunyai amanah serta tanggungjawab untuk menjaga sandaran dengan baik. Hakim juga memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan ditegakkan dalam semua urusan kewangan. Hakim juga boleh mengarahkan supaya barang cagaran dijual sekiranya orang yang berhutang tidak boleh menyelesaikan hutang tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan.

### **Hukum perkongsian modal**

Terdapat fasal yang menjelaskan tentang memberikan modal kepada orang lain untuk diniagakan dalam Hukum Kanun Lingga, sebagaimana berikut:

*Fasal peri memberi modal kepada seorang bahawa yang memberi emas kepada yang disuruhnya ambil olehmu dinar emas atau perak peniagakan olehmu labanya akan kita akan ingkar sekalian labanya hendaklah ditentukan akan laba peniagaan itu antara binasa atau rugi tiada dapat (menyilih) ia peniagaan itu atau hilang arta itu jika tiada dengan taksirannya. Bermula tiada harus dijanjikan akan membayar itu benuwi lain atau terlebih membayar daripada asalnya jika mengambil emas itu dengan berjanji kemudian dibayarnya tiada ngapa jikalu ada peniagaan itu dengan labanya. (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 11).*

Berdasarkan fasal ini, apabila satu pihak memberi modal kepada satu pihak lain untuk tujuan perniagaan, kedua-dua pihak tersebut perlulah jelas dari segi pembahagian untung dari perniagaan tersebut. Jika perniagaan tersebut gagal, risiko kerugian adalah ditanggung oleh pemberi modal kecuali apabila penerima modal pecah amanah. Selain itu, tidak boleh wujud perjanjian untuk membayar lebih daripada modal asal yang diberikan (keuntungan ditetapkan) untuk mengelakkan *riba* dan pulangan dibayar mengikut laba yang dapat dihasilkan dari perniagaan tersebut (Abd Aziz, 2002). Prinsip-prinsip kejujuran, keadilan dan larangan *riba* adalah asas utama dalam urusan mualamat.

### **Hukum pemilikan tanah**

Hukum Kanun Lingga memperincikan tentang tatacara berkaitan pemilikan dan penjualan tanah. Urus niaga yang dilakukan mestilah telus dan adil bagi memastikan semua pihak sama ada penjual atau pembeli tidak mengalami kerugian dan tidak berlaku penipuan dalam sebarang transaksi yang dilakukan. Berkaitan perkara ini, Hukum Kanun Lingga menetapkan sebagaimana berikut:

*Fasal pada menyatakan berjual bumi masuk kayu-kayuan dalam bumi itu melainkan buma akan yang berjual jika tiada disebutkan jika ada yang diketam berulang-ulang seperti lada pertama ketamnya itu akan yang berjual kemudian akan orang membali dia melainkan berjanji oleh isti'dat (bersedia) kerana janji jikalu ada dalam bumi itu pohon kayu yang berbuah tiada*

*disebutkannya buahnya itu jika lalu berputik tatkala itu akan yang berjual maka jika lalu belum berputik akan yang membeli. (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 4).*

Fasal-fasal ini menjelaskan hukum tentang jual beli tanah yang mengandungi kayu-kayuan dan tanaman di dalam. Untuk mengelakkan perselisihan, harus ada perjanjian jelas antara penjual dan pembeli mengenai hasil tanaman atau buah-buahan yang ada di tanah tersebut. Perjanjian ini adalah penting untuk memastikan kedua-dua pihak memahami dan bersetuju dengan pembahagian hasil tanaman atau buah-buahan selepas transaksi jual beli dilakukan. Bagi Hukum Kanun Lingga pula kesalahan merosakkan dan menceroboh harta milik orang lain adalah seperti berikut:

*Fasal pada menyatakan huma yang terbakar oleh orang lain itu jika lalu hangus tiada lagi salahnya. Adapun jika lalu tiada hangus disuruh orang itu.... .... jika lalu tanah itu orang kaya. Adapun jika lalu huma orang kecil sekadar setengah ..... juga disuruh kena .... itu hukumnya. Adapun demikian lagi hukumnya. Adapun membakar huma yang tiada tahu sama yang berhumah itu adapun pagar humah itu jika lalu orang sudah membakar maka orang lain itu tiada terpagar olehnya jika lalu dimakan babi atau dimakan kerbau mengganti padi karana taksir tiada terpagar olehnya itu jika lalu harus padi itu diganti semuanya itu demikianlah hukumnya. Adapun hukum orang mencuri pagar huma atau tanaman jika lalu bertemu dengan tuannya dirampas barang yang dibawanya itu yakni seperti atau golok atau parang atau pisauanya itu sekalian diambil orang dan dibawa kepada tuannya itu inilah dihukumkan hakim.*

Fasal ini menjelaskan tentang beberapa situasi berkaitan dengan kerosakan atau kemusnahan huma (ladang) akibat tindakan manusia atau binatang serta prosedur penyelesaiannya dari segi hukum. Fasal tersebut juga menyentuh tentang tindakan terhadap pencuri yang merosakkan pagar huma atau mencuri tanaman. Hal ini selari dengan ajaran Islam yang menekankan keadilan, pengiktirafan terhadap hak pemilikan individu dan perlindungan terhadap harta benda sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah S.W.T dalam Surah al-Maidah ayat 38, Surah al-Nisa' ayat 58 dan Surah al-Baqarah ayat 188 yang telah dinyatakan dalam perbincangan sebelumnya.

### **Peranan syahbandar dalam pengurusan ekonomi dan perdagangan**

Syahbandar merupakan individu yang berperanan dalam urusan hal ehwal ekonomi dan perdagangan sebagaimana yang disebutkan dalam Hukum Kanun Lingga. Menurut Awang Jambol et al. (2022), syahbandar berperanan sebagai Ketua hal ehwal laut, hakim orang asing, mengawasi bahan mentah serta mengawasi sukatan dan timbangan di pasar. Jawatan ini telah dikekalkan sehingga abad ke-17 Masihi sebagai individu yang bertanggungjawab dalam sektor ekonomi dan perdagangan khususnya dalam urusan pemeriksaan kapal dagangan yang keluar masuk, pengutip cukai dan mengawal harga barang dagangan. Syahbandar juga berperanan untuk menjaga kebijakan dan keselamatan para pedagang yang datang ke pelabuhan supaya semuanya berjalan lancar (Suhaini et al., 2020).

Bermula abad ke-18 dan ke-19 Masihi, jawatan syahbandar telah digantikan dengan jawatan Pengiran Pemanca (Awang Jambol et al., 2022). Penjelasan mengenai peranan syahbandar ini terkandung dalam Hukum Kanun Lingga, sebagaimana berikut:

*Fasal pada menyatakan hukum segala gantang dan cupak segala hukum pasar itu sekalian kepada syahbandar juga dan hukum nakboda jong dan balak dan kapal atau barang nama perahu besar dan kecil itu dan atau datang suatu dan daripada kelahi dan berbantah atau luka melukai daripada sama dagang kerana hutang piutang sekalian itu dalam hukum syahbandar juga terserah kepada danya. (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 85).*

Melalui peruntukan dalam fasal tersebut, dapat dijelaskan bahawa syahbandar berperanan sebagai hakim yang memastikan keadilan dalam setiap urusan perdagangan yang dijalankan selaras dengan prinsip keadilan dalam semua transaksi. Berdasarkan fasal tersebut juga, dapat difahami bahawa masyarakat Islam di Sarawak amat mementingkan kejujuran dan mengelakkan penipuan khususnya dalam ukuran dan timbangan dengan memberikan kuasa kepada syahbandar untuk mengawal sukatan dan timbangan. Selain itu, dalam muamalat Islam, sebarang pertikaian perlu diselesaikan dengan cara yang adil dan cepat. Contohnya, dalam urusan hutang piutang, Islam mengutamakan hak pemutang dan penghutang dengan cara yang adil dan tanpa penindasan.

Peranan syahbandar ini mempunyai persamaan yang tinggi dengan institusi *al-hisbah* yang ditubuhkan semenjak zaman Nabi Muhammad S.A.W memerintah Madinah. Amalan *hisbah* telah dibuktikan dengan jelas pada zaman Nabi SAW di mana terdapat hadis-hadis yang menunjukkan perlakuan *hisbah* (Mamat, 2010; Abdul Ghani & Yaacob, 2022). Antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى صُبْرَةٍ مِنْ طَعَامٍ، فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا، فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ  
بَلَّا، قَالَ: مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ؟ قَالَ: أَصَابِعُهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: أَفَلَا جَعَلْتُهُ فَوْقَ  
الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ، مَنْ غَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا.

Maksudnya:

Bahawa Rasulullah SAW pada suatu ketika telah berjalan melalui satu longgokan makanan (di pasar), lalu baginda Rasulullah SAW telah memasukkan tangannya ke dalam longgokan tersebut, jari Baginda SAW tersentuh sesuatu yang basah lantas Rasulullah SAW bertanya kepada penjual itu: “Apakah semua ini?” Jawab penjual tersebut: Makanan ini terkena hujan. Nabi Muhammad SAW bersabda: “Kenapa engkau tidak meletakkannya di atas supaya dapat dilihat oleh orang ramai, baginda SAW menyambung lagi: Sesiapa yang menipu maka dia bukan dari kalangan kami.” (Sahih Muslim, Kitab al-Iman, No. Hadis 102).

### Tanggungjawab sosial sesama manusia

Dalam konteks tanggungjawab sosial kepada masyarakat, terdapat fasal-fasal yang menuntut supaya bersikap belas ihsan, amanah dan bertanggungjawab sesama manusia. Islam menggalakkan umatnya untuk sentiasa melakukan perbuatan yang baik contohnya melalui bantuan ke arah kebaikan kerana sifat tolol menolong ini dapat meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah di samping mengeratkan hubungan sillaturrahim antara sesama manusia (Nudin et al., 2016). Antara fasal-fasal yang terkandung dalam Hukum Kanun Lingga berhubung perkara ini ialah:

*Fasal pada menyatakan orang mendapat orang lari binasa dan orang lapar sebab negeri mahal beras padi. Adapun jika lau negeri bermusuh atau datang bala Allah Taala atas raja itu dan atas orang besar-besar itu maka laparlah manusia dalam negeri itu daripada tiada makanan maka kata sekalian miskin di orang yang bina dan fakir ambillah kami akan bamba tuan berilah kami makan jua oleh kami maka diberinya oleh segala yang ada daripadanya dirinya makanan maka negeri itu pun pulih daripada bala lapar itu maka oleh yang empunya makanan itu hendak dijualnya yang diberinya makan itu maka diadukannya kepada hakim orang yang hendak jualnya itu maka tiadalah diberi oleh hakim dijualkan karana ia pada masa itu darurat hanya namanya hanya disuruhkan hakim ber setengah harga juga kepada yang empunya makanan. Adapun jika lau ada ia bamba orang tiada terberi makan oleh tuannya itu maka hak makanan orang itu disuruhkan hakim berkerja akan empunya makanan itu empat musim makan dikembalikan dengan itu kepada tuannya. (Manuskrip Hukum Kanun Lingga, t.th.: 65-67).*

Fasal-fasal di atas menjelaskan tentang cara untuk menangani situasi kelaparan dalam masyarakat apabila negeri mengalami kekurangan makanan atau beras akibat bencana, perang atau keadaan yang menyebabkan harga makanan melonjak tinggi. Ia menetapkan cara-cara yang adil untuk memastikan bahawa semua orang terutama golongan miskin dan hamba, mendapat makanan yang mencukupi. Manusia yang menjalankan tanggungjawab merupakan manusia yang bertakwa serta mewujudkan nilai moral yang tinggi di dalam diri individu. Allah S.W.T berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىِ الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya:

Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebijakan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. (Surah al-Maidah, 5: 2).

Kedua-dua fasal ini menekankan prinsip keadilan, belas kasihan dan perlindungan hak asasi manusia selari dengan *maqasid* syariah iaitu memelihara nyawa dan memelihara harta. Ini juga menunjukkan bahawa agama Islam merupakan agama *rahmatan lil alamin* yang menuntut umat Islam untuk menunjukkan belas kasihan dan kebaikan kepada mereka yang memerlukan. Masyarakat dan pemimpin Islam bertanggungjawab untuk memastikan keperluan asas mereka yang memerlukan dipenuhi terutamanya dalam situasi darurat. Islam juga menegah eksplorasi terhadap orang yang memerlukan bantuan adalah amat dilarang.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah menganalisis Hukum Kanun Lingga, satu dokumen undang-undang bersejarah yang pernah digunakan oleh masyarakat Islam di Sarawak. Melalui penggunaan kaedah analisis kandungan dengan aplikasi ATLAS.ti, kajian ini berjaya mengenal pasti dan mengkategorikan pelbagai kandungan undang-undang muamalat Islam yang terkandung dalam dokumen tersebut. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Sarawak pada masa itu telah menerima dan mengamalkan prinsip-prinsip syariah dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ini membuktikan bahawa undang-undang Islam bukan sahaja telah diterima, tetapi juga diintegrasikan dengan undang-undang adat tempatan untuk membentuk satu sistem perundangan yang holistik dan relevan dengan konteks tempatan. Dalam konteks sejarah perundangan di Sarawak, Hukum Kanun Lingga menunjukkan bahawa proses Islamisasi di rantau ini telah berlangsung dengan baik dan menyeluruh.

Selain itu, analisis ini turut memberikan penjelasan mendalam tentang bagaimana prinsip-prinsip undang-undang Islam diadaptasi dan diamalkan dalam konteks tempatan. Ia memperlihatkan kearifan pemerintah dan masyarakat dalam menggabungkan undang-undang Islam dengan adat tempatan sekaligus menjadikan Hukum Kanun Lingga sebagai satu dokumen perundangan yang kaya dengan nilai-nilai agama dan budaya. Dokumen ini bukan sahaja penting dari segi sejarah dan budaya, tetapi juga sebagai sumber rujukan untuk memahami perkembangan undang-undang Islam di Sarawak dan Asia Tenggara secara keseluruhannya. Hukum Kanun Lingga adalah bukti jelas bahawa undang-undang Islam telah lama wujud dan dipraktikkan dalam masyarakat Melayu Islam di Sarawak.

Kesimpulannya, Hukum Kanun Lingga memainkan peranan penting dalam sejarah perundangan Islam di Sarawak. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah dan perkembangan undang-undang Islam di Sarawak, serta memberi penekanan kepada kepentingan dokumen-dokumen sejarah dalam memahami warisan perundangan sesebuah masyarakat.

## PENGAKUAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah Noranizah binti Yusuf dan penyelia, Prof. Madya Dr. Saimi bin Bujang.

## RUJUKAN

- Abd Aziz, A. S. (2002). Konsep syarikat dalam Islam: Satu tinjauan. *Jelapang*, 3(1), 81–86. [https://repo.uum.edu.my/id/eprint/386/1/Ahmad\\_Shamsul\\_Dato'\\_Abd\\_Aziz.pdf](https://repo.uum.edu.my/id/eprint/386/1/Ahmad_Shamsul_Dato'_Abd_Aziz.pdf)
- Abd Jalil, B. (2010, September 24). *Jejak warisan Pahang pencetus tamadun pembangunan modal insan bolistik* [Conference Keynote]. Seminar Kebangsaan Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana mengingati sejarah ke arah kecemerlangan masa depan, Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang.
- Abd Rahman, P.M.P. (2001). *Islam di Brunei Darussalam* (2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Abdul Ghani, H. & Yaacob, N. (2021). Prinsip-prinsip syariah dalam aktiviti muamalat. *Journal of Revealed Knowledge*, 2(1), 111–130. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/181>
- Abdul Rahman, D. H. U. F. (2022). Penerapan nilai-nilai Islam dan hubungannya dengan perubahan sosiobudaya masyarakat Islam di Brunei Darussalam. *International Journal of Umrani Studies*, 1(1), 47–55. <https://doi.org/10.59202/ijus.v1i1.563>
- Abdul Rahman, M. A. (2003). Sejarah dan Perkembangan Islam di Sarawak sebelum merdeka. Dlm. F. M. Zain & I. S. M. Resad @ Arshad (Eds.), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat, 14-15 Julai 2003/14-15 Jamadil Awwal 1424 H, Holiday Inn, Kuching, Sarawak Bumi Kenyalang*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Bakar, Z. R. (2018, October 17–18). *Perundangan syariah adalah undang-undang kelas kedua di Malaysia?* [Working paper presentation]. Pelaksanaan Undang-undang Syariah: Cabaran Masa Kini, Hotel Copthorne Orchid, Pulau Pinang, Malaysia. [https://www.islam.gov.my/images/Berita/BPUU/KK\\_konvensyen\\_2018/KK\\_perundangan\\_kelas\\_kedua\\_-\\_DATO\\_ZAINUL\\_RIJAL.pdf](https://www.islam.gov.my/images/Berita/BPUU/KK_konvensyen_2018/KK_perundangan_kelas_kedua_-_DATO_ZAINUL_RIJAL.pdf)
- Awang Jambol, D. J., Zakaria, Z., Hua, A. K., Jamru, L. R., & Baco, Z. (2022). Pentadbiran Wilayah Jajahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara pada abad ke- 16 hingga 19. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 7(1), 145–161. <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4138>
- Awang Sebon, A.P. (1986). *Pelaksanaan undang-undang Islam di mahkamah Melayu Sarawak* [Diploma's thesis, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia]. Malaysian Theses Online.
- Awang, M. (2015). Di manakah kita dalam pemantapan pentadbiran keadilan jenayah syariah? *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 55–84. <https://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/download/4417/1171/>
- Babel, D. (1989). Undang-undang adat: Melayu Islam Sarawak. *The Sarawak Museum Journal* (Vol. 40, No. 61). Sarawak Museum.
- Bujang, S., Abdul Kadir, A. R., Yusuf, N., Hamrie, F., & Wan Yon, W. A. (2022). Sejarah dan perkembangan pentadbiran Islam pada era pemerintahan Brooke di Sarawak. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 53–70. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no2.5>
- Halimi, A. J. (2013). *Undang-Undang Laut Melayu: Undang-Undang Perahu dan Undang-Undang Belayar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassim, M. H., Mustapa, A. M., & Baharuddin, A. H. (2019). Sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia: Sorotan terhadap sistem kehakiman Islam di negeri Melaka. *Journal of Muwaqqat*, 2(2), 59–72. <https://muwaqqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/31>

- Jemat, A. (2018, Januari 29). *Negeri Banting Abad ke-17: Hak adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga*. Seminar Hak Adat Bumiputera Melayu Sarawak, Dewan Hikmah Kuching, Sarawak.
- Jusoh@Yusoff, M. M., Sarip, M. M., & Wan Ismail, W. A. F. (2018). Kelangsungan syariat Islam menerusi perundangan Malaysia. *Al-Hikmah*, 10(1), 95–118. <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/293>
- Kamarudin, S.F. (2015). *Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian unsur-unsur etnografi Islam* [Master's thesis, Universiti Malaya]. UM Students' Repository.
- Mail, A. A. (2002). *Kesultanan Brunei abad kesembilan belas: Sistem politik dan struktur pentadbiran*. [Doctoral's thesis, Universiti Malaya]. Malaysian Thesis Online.
- Mail, A. A. (2019). Hukum Kanun Brunei: Isu dan peranannya memperkasakan perundangan Islam. In R. Abdullah, I. Abdullah, A. R. A. Haqqi, A. Jaruddin, D. S. Serbini, I. N. Idris, L. M. & Azahari (Eds.), *Majlis Ilmu 2019 Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat*. Urusetia Seminar Majlis Ilmu 2019 (pp. 1–19). <https://www.majlisilmu.gov.bn/SiteCollectionDocuments/2019/prosiding-seminar-mi.pdf>
- Mamat, Z. (2010). Institusi hisbah dan peranannya dalam mengawal kegiatan ekonomi negara Islam. *Jurnal Muamalat*, 3, 113–138. [https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/5\\_institusi\\_hisbah.pdf](https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/5_institusi_hisbah.pdf)
- Manuskrip Hukum Kanun Lingga. (t.th.). *Manuskrip tidak diterbitkan*. Simpanan peribadi Abg Sakardi bin Abg Noor.
- Mohd Yusoff, A. N. (2016). Islam di Sarawak: Sejarah awal dan faktor-faktor perkembangan Islam di Sarawak. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah*, 1(1), 1–19. <https://journal.pbmitt.org.my/wp-content/uploads/2015/11/1-Islam-Di-sarawak-Sejarah-Awal-dan-Faktor-faktor-Perkembangan-Islam-di-Sarawak.pdf>
- Mundy, R. (1848). *Narrative of events in Borneo and Celebes down to the occupation of Labuan from the Journal of James Brooke*. John Murray.
- Nasir, B. M. (2012). Islam dan dakwah dalam zaman kebangkitan awal Islam dan era penjajahan Barat di Tanah Melayu. *Islamiyat: Jurnal Antarabangsa Pengajaran Islam*, 34, 5–12. [https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/30353/Bab\\_1.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/30353/Bab_1.pdf)
- Nasohah, Z. (1998). *Perkembangan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia sehingga tahun 1990-an* [Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia]. UKM Learning and Research Repository.
- Nasohah, Z. (2004). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia: sebelum dan menjelang merdeka*. Utusan Publications & Distributors.
- Nasution, S., & Suhayib, S. (2018). Sejarah perkembangan Islam di Brunei Darussalam. *Journal for Southeast Asian Islamic Studies*, 14(1), 1–19. <http://dx.doi.org/10.24014/nusantara.v14i1.6210>
- Ngadiran, S.N.A. (2012). *Konsep sejarah menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas: Kajian terhadap karya-karya terpilih* [Master's dissertation, Universiti Malaya]. UM Students' Repository.
- Nudin, A. B., Mustaffa, C. S., & Ahmad, M. K. (2016). Konsep tanggungjawab sosial korporat bercirikan Islam: Analisis pandangan ulama di Malaysia. *Management Research Journal*, 5, 8–21. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/view/1485>
- Nurjannah, V. (2021). Al-Rusyd sebagai syarat dalam mengelola harta (Kajian Mazhab Hanafi dan Syafi'i). *Shibghah: Journal of Muslim Societies*, 3, 122–229.
- Othman, S. H., Abdullah, M. S. Y., Zakaria, R. M. A., & Hanafiah, M. G. (2019). Aspek muamalat dalam Kitab Mir'at al-Thullab karya Shaykh Abdul Rauf Ali Al-Singkili. *Jurnal Uhwan*, 4(1), 1–13. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/487>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2022, December 29). *Irsyad al-Fatwa Siri Ke-741: Hukum kanak-kanak melakukan transaksi jual beli*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad->

- <fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5491-irsyad-al-fatwa-siri-ke-741-hukum-kanak-kanak-melakukan-transaksi-jual-beli>
- Ronzani, C. M., da Costa, P. R., da Silva, L. F., Pigola, A., & de Paiva, E. M. (2020). Qualitative methods of analysis: An example of Atlas.TI™ Software usage. *Revista Gestão & Tecnologia*, 20(4), 284–311. <https://doi.org/10.20397/2177-6652/2020.v20i4.1994>
- Said, S. (2023, April 27). *Negeri Banting: Negeri yang hilang dari Sarawak: Episod 10: TVS Entertainment* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=14a6G4rqZww>
- Suhaini, N., Karim, A. K. A., Mustafar, F. W., & Noh, N. M. (2020). Pengaruh Hukum Kanun Pahang terhadap raja dan pemerintahannya. *Jurnal Tuah*, 1(1), 108–116. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JTuah/article/view/682>
- Sulaiman, M., Ahmad, M. N., Hamdani, S. M., & Mahyuddin, M. K. (2021, October 26–27). Manuskip Melayu Islam sebagai warisan kearifan tempatan: Isu dan prospek masa depan. In M. F. M. Omar, I. I. A. B. Melhem, A. N. A. Al-Tahir, & A. R. Zumrah (Eds.), *E-Proceedings of the International Conference on Da'wah and Islamic management (IC-DAIM 2021)* (pp. 1–37). Penerbit USIM. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/18027>
- Sulong, J. (2010). Asimilasi hukum Islam dalam amalan perniagaan Melayu: Kajian ke atas beberapa manuskrip Melayu lama. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 21(1), 73–95. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25665>
- Sweeney, P. L. A. (1968). Silsilah raja-raja Berunai. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 41(2 (214)), 1–82. <http://www.jstor.org/stable/41491947>
- Syibir, M. U. (1999). *Al-Mu'amalāt al-Māliyyah al-Mu'aṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Dār al-Nafā'is.
- Wan Yon, W. A., Bujang, S., Abdul Kadir, A. R., Yusuf, N., & Hamrie, F. (2022). Menjejaki warisan bertulis Melayu Sarawak. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 347–354. <https://majmuah.com/journal/index.php/kaib1/article/view/278>